

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Ringgit mampu cecah RM4 satu dolar AS



Mata wang jadi pilihan selepas Fed perlakan kenaikan kadar pinjaman

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Ringgit berpotensi menguji paras RM4 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) selepas mata wang tempatan itu semakin menjadi pilihan pelabur berikutan langkah Rizab Persekutuan (Fed) AS memperlakukan kenaikan kadar faedahnya.

Pengarah dan Ketua MIDF Research, Imran Yassin Md Yusof, berkata sebagaimana mata wang lain, ringgit mula kukuh selepas Fed memperlakukan kenaikan pinjaman dengan pasaran sudah memanfaatkan persekitaran itu sejak Disember lalu.

"Dalam tempoh sederhana, kami tidak menolak kemungkinan ia mencecah RM4 berbanding dolar AS, tetapi bergantung kepada beberapa faktor seperti keadaan ekonomi Malaysia, kadar pinjaman, harga komoditi dan sebagainya. Unjurannya akhir tahun kami adalah RM4.23."

"Kami melihat bukan sahaja ringgit, tetapi mata wang lain juga mungkin menjadi pilihan pel-

bur disebabkan 'pivot' daripada Fed. Apa yang dimaksudkan oleh 'pivot' ialah pengurangan kadar faedah dan seterusnya berhenti menaikkan kadar pinjaman," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Imran Yassin berkata, kenaikan ringgit berbanding dolar AS sejak November tahun lalu sudah dijangkakan firma penyelidikan.

Katanya, laporan MIDF Research pada Ogos lalu berpendapat ringgit berada di bawah nilai, jika dilihat dari segi asas ekonomi negara dan kaitannya dengan harga minyak mentah.

"Ringgit pada kebiasaananya akan bergerak bersama harga Brent di mana ia kukuh apabila harga minyak mentah ini meningkat.

"Namun, tindakan Fed yang menaikkan kadar faedah lebih agresif menyaksikan pengukuran dolar AS berbanding mata wang lain kebelakangannya ini," katanya.

utama lain, termasuk ringgit tahun lalu.

"Seperi yang kami jangkakan, ringgit serta mata wang lain akan mula kukuh selepas Fed memperlakukan kenaikan kadar faedah.

"Buat masa ini, kami dan para sarjan menjangkakan Fed akan memperlakukan lagi kenaikan kadar faedah bulan depan kepada 25 mata asas.

"Jangkaan ini antara faktor pengukuran ringgit berbanding dolar AS dan menjadi trend global apabila dolar AS menunjukkan kelemahan berbanding mata wang lain kebelakangannya ini," katanya.

"Ringgit pada kebiasaananya akan bergerak bersama harga Brent di mana ia kukuh apabila harga minyak mentah ini meningkat.

"Namun, tindakan Fed yang menaikkan kadar faedah lebih agresif menyaksikan pengukuran dolar AS berbanding mata wang lain kebelakangannya ini," katanya.

ia disebabkan data inflasi ter-

kini menunjukkan tekanan harga di AS mula menurun dan lebih perlahan dalam tempoh beberapa bulan lalu, sekali gus menjelaskan punca ringgit turun mengukuh walaupun Bank Negara Malaysia (BNM) tidak membuat sebarang perubahan bagi dasar monetari.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Profesor Madya Dr Alim Zulhazmi Abdul Rashid turut berpendapat ringgit berada pada paras baik untuk turun mengukuh berbanding dolar AS berikutan langkah Fed yang kurang agresif menaikkan kadar faedahnya.

"Kenaikan kadar faedah oleh Fed kini tidak terlalu mempengaruhi situasi seperti tahun lalu dan dijangka kenaikan 2023 lebih kecil memandangkan ia sudah berada pada paras yang tinggi.

"Selain itu, jangkaan kemele-

setan ekonomi global mengurangkan permintaan kepada komoditi utama dunia seperti minyak mentah yang menunjukkan trend penurunan dengan harga pasaran hadapan mendatar," katanya.

Sementara itu, Rakan Kongsi Pengurusan SPI Asset Management, Stephen Innes, berkata pengeksport Malaysia menjadi antara penyumbang terbesar kecairan dolar AS sejak 2021 dan penjualan besar-besaran melonjakkan lagi ringgit.

"Menjengau langsung pembukaan semula China, kami menggemari ringgit memandangkan premium risiko mereda sejak 2018," katanya.

Ringgit semakin mengukuh pada minggu lalu apabila dinilai pada paras RM4.28 berbanding dolar AS.

Mata wang tempatan turut di-

niagakan lebih tinggi berbanding sekumpulan mata wang utama.

Dalam tempoh sederhana, kami tidak menolak kemungkinan ia mencecah RM4 berbanding dolar AS, tetapi bergantung kepada beberapa faktor seperti keadaan ekonomi Malaysia, kadar pinjaman, harga komoditi dan sebagainya

Imran Yassin Md Yusof,
Pengarah/Ketua MIDF Research



Kenaikan kadar faedah oleh Fed kini tidak terlalu mempengaruhi situasi seperti tahun lalu dan dijangka kenaikan 2023 lebih kecil memandangkan ia sudah berada pada paras yang tinggi

Aimi Zulhazmi Abdul Rashid,
Penganalisis Ekonomi UniKL
Business School

